



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 03/11

KELEWATAN PENGHANTARAN HELIKOPTER TEMPUR RINGAN MD530G

Kementerian ingin memaklumkan bahawa penghantaran helikopter tempur ringan MD530G telah mengalami kelewatan hasil dari pelbagai isu teknikal yang berkaitan dengan Syarikat Pembuat Asal (OEM).

Semasa pembinaan helikopter tersebut Kerajaan telah mengkaji semula kesesuaian alatan serta spesifikasi dan mendapati pindaan dan perubahan perlu dibuat agar helikopter yang diterima memenuhi keperluan agensi.

Berdasarkan kepada kontrak asal, syarikat telah gagal mematuhi obligasi utamanya iaitu menghantar enam buah helikopter. Tarikh penghantaran bagi helikopter tersebut juga telah dipinda sebanyak tiga kali, namun tiada sebuah helikopter pun yang telah diserahkan kepada Kerajaan sehingga hari ini. Kerajaan pula telah memenuhi obligasi dengan membuat pembayaran kepada Syarikat sebanyak RM112.6 juta yang bersamaan dengan 35% daripada RM321.9 juta nilai keseluruhan kontrak iaitu sehingga bayaran *milestone* ke-6.

Kementerian sedang mengkaji maklumat dan maklumbalas yang diterima dari semua pemegang taruh bagi memuktamadkan hala tuju mengenai perolehan helikopter ini.

Kerajaan telah mengenal pasti beberapa opsyen yang boleh diambil bagi menangani permasalahan perolehan ini dan akan memastikan sebarang keputusan yang diambil hanya akan mengakibatkan kerugian paling minima kepada Kerajaan. Kerajaan juga tidak akan terpengaruh dengan tekanan dari mana-mana pihak mengenai perolehan ini.

-TAMAT-

PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Kementerian Pertahanan Malaysia
1 November 2019